

07/07/2002

`Jangan jejaskan proses peralihan'

BATU PAHAT: Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhyiddin Yassin, meminta semua pihak sama ada pemimpin parti atau penyokong mereka, agar tidak terlalu ghairah membuat perancangan bagi mencapai tujuan tertentu ketika peralihan kuasa pucuk pimpinan negara.

Beliau berkata, tindakan itu boleh menjejaskan proses peralihan itu yang tidak begitu penting berbanding perancangan selepasnya untuk mengukuhkan kedudukan parti dan menambah sokongan orang Melayu kepada Umno.

"Pada saya, tak payahlah nak buat apa-apa perancangan atau pelan individu atau rancangan daripada penyokong...semua tu tak perlu. Proses peralihan akan berlangsung dan kita tak mahu ada sesuatu yang menjejaskan proses itu.

"Bukan itu yang penting, tetapi proses selepas itu supaya kedudukan parti terus kukuh dan tumpuan diberi kepada kerja menambah sokongan orang Melayu kepada Umno," katanya.

Muhyiddin yang juga Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, berkata demikian selepas merasmikan majlis penyerahan wafiah, ikrar parti dan kempen penambahan ahli Umno bahagian Batu Pahat, di sini, petang semalam.

Katanya, tumpuan harus diberikan kepada perpaduan dan kerjasama di antara semua pemimpin dan ahli parti tanpa ada usaha untuk menggugat kelancaran proses peralihan kuasa itu selaras nasihat presiden dan timbalannya.

"Dalam soal ini, kita perlu tentukan supaya kekuatan dan perpaduan yang sudah terjalin dalam Umno dan kerjasama erat di kalangan pemimpin tertinggi, termasuk naib presiden harus diteruskan.

"Jangan ada pihak lain yang cuba menimbulkan keadaan yang boleh menjejaskan perpaduan ini seperti ramalan, andaian atau membuat perancangan sendiri untuk kepentingan tertentu," katanya.

Katanya, keadaan baik yang wujud dalam Umno harus dipertahan dan diperkukuhkan lagi dan semua pihak tidak wajar bertumpu kepada soal peralihan kuasa kerana proses itu akan berlangsung dengan baik.

"Jangan terlalu fikir pada soal peralihan kuasa itu...siapa, kenapa dan sebagainya. Ia membuatkan kita berpolitik lebih daripada sepatutnya..lebih berpolitik pun tidak baik kepada parti seperti Umno," katanya.

Beliau juga enggan mengulas isu yang mengaitkan kemungkinan seorang lagi Naib Presiden, Datuk Seri Najib Razak dilantik Timbalan Perdana Menteri dan menganggapnya itu urusan kepemimpinan tertinggi parti.

"Saya tak nak ulas pasal tu..kalau ulas nanti, ada pelbagai tafsiran. Itu tanggungjawab kepemimpinan tertinggi...tak payah nak ulas...ini soal prinsip," katanya.

Semalam, Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mempunyai hak memilih timbalannya apabila menjadi Perdana Menteri selepas peralihan kuasa Oktober, tahun depan.